# Bapa rogol anak di kandang kambing

## Dijatuhi hukuman penjara 40 tahun, 24 sebatan

S.H 7/7/09 M/S 13

**ASWANY OMAR**

**KUANTAN** – Seorang peneroka, 52, dijatuhi hukuman penjara 40 tahun dan 24 sebatan kerana didapati bersalah merogol anaknya sebanyak enam kali di beberapa tempat berasingan.

Ketika pertuduhan dibacakan di kamar Mahkamah Sesyen 1, tertuduh tenang mendengar dan selepas itu bersuara mengaku bersalah di atas semua pertuduhan berkenaan sebelum meminta hukuman diringankan.

**jalan serentak**

"Saya mengaku bersalah di atas semua tuduhan dan meminta Tuan Hakim meringankan hukuman," katanya ketika di kandang pesalah.

Tertuduh didapati bersalah merogol anaknya sebanyak enam kali ketika mereka berada di rumah, ladang kelapa sawit dan kandang kambing.

Dia ditangkap di rumahnya kira-kira jam 2.28 pagi November tahun lalu manakala anaknya dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Afzan untuk pemeriksaan lanjut dan mendapati kesan koyakan lama pada selaput dara mangsa.

Dia dituduh merogol anaknya yang berusia 14 tahun di antara awal Ogos hingga awal November tahun lalu.

Tertuduh yang juga peniaga menghadapi tuduhan di bawah Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan.

Timbalan Pendakwa raya, Mahadi Abdul Jumaat meminta hukuman dijalankan serentak kerana kerajaan kini serius membanteras jenayah itu selain memberi kesan seumur hidup kepada anak kandungnya.

"Hukuman setimpal perlu dijatuhkan kepada tertuduh kerana kes ini serius dan membabitkan masa depan anak mangsa," katanya.

Hukuman ke atas tertuduh dijalankan serentak berkuat kuasa semalam.